



**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR
BILANGAN 2 TAHUN 2013**

PROTOKOL PENGIBARAN BENDERA

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan menetapkan garis panduan serta memberi kefahaman tentang protokol dan etika pengibaran bendera kepada kerajaan dan orang awam. Peraturan ini juga diharap akan membantu meningkatkan semangat patriotik rakyat serta memperkasa kedaulatan Negeri Johor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1994, "Pengibaran Bendera Malaysia di Bangunan-Bangunan Persekutuan di Seluruh Negara" telah ditimbalguna pemakaiannya oleh Kerajaan Negeri Johor sejak tahun 1994.
- 2.2. Peraturan ini dikeluarkan bagi menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim berkenaan protokol pengibaran bendera di Negeri Johor.

3. JENIS-JENIS BENDERA

- 3.1. Bendera Negeri
- 3.2. Bendera Persekutuan (Jalur Gemilang)
- 3.3. Bendera Institusi – Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Syarikat, Pertubuhan, Persatuan dan lain-lain.

4. ARAH PANDANGAN BENDERA

- 4.1. Menjunjung titah Almarhum Sultan Iskandar pada tahun 1982, arah pandangan pengibaran Bendera Negeri Johor adalah pandangan dari dalam bangunan memandangi ke arah luar bangunan.

5. PENGIBARAN BENDERA NEGERI JOHOR

- 5.1. Susunan Bendera Negeri Johor bagi dua tiang bendera adalah disebelah kanan Jalur Gemilang berdasarkan pandangan dari dalam bangunan memandang ke arah luar bangunan.
- 5.2. Susunan Bendera Negeri Johor bagi tiga tiang bendera adalah di tengah dan di sebelah kanannya adalah Jalur Gemilang manakala di sebelah kirinya adalah bendera insitusi berdasarkan pandangan dari dalam bangunan memandang ke arah luar bangunan.
- 5.3. Tiang Bendera hendaklah tidak kurang dari 20 kaki tinggi.
- 5.4. Tidak ada mana-mana bahagian bendera pun boleh mencecah tanah dan pagar.
- 5.5. Bendera yang usang, berubah warna atau koyak hendaklah diganti baru.
- 5.6. Bendera dinaikkan dan diturunkan dengan hormat dan dikibarkan antara jam 6.00 pagi hingga jatuh matahari, melainkan jika ada lampu sorot.
- 5.7. Bendera boleh dinaikkan terus menerus (overnight) sekiranya hari berikutan adalah sebahagian Hari Kebesaran Negeri.
- 5.8. Pejabat kerajaan hendaklah mengibar dan menurunkan bendera mengikut waktu pejabat.
- 5.9. Sekolah-sekolah hendaklah mengibarkan bendera mengikut waktu mulanya kelas pertama dan menurunkannya selepas kelas terakhir tamat

6. HARI KEBESARAN NEGERI JOHOR

- 6.1. Hari Sambutan Ulangtahun Keputeraan DYMM Sultan Johor.
- 6.2. Hari Kebangsaan 31 Ogos.
- 6.3. Hari Malaysia 16 September.
- 6.4. Hari Lawatan Rasmi DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong.
- 6.5. Hari Lawatan Rasmi DYMM Raja-Raja Melayu.
- 6.6. Hari Lawatan Rasmi Perdana Menteri Malaysia.

- 6.7. Hari Lawatan Rasmi Ketua Negara Asing.
- 6.8. Hari Keberangkatan Rasmi DYMM Sultan Johor ke daerah-daerah.
- 6.9. Lain-lain Hari Kebesaran yang diperkenankan oleh DYMM Sultan Johor.

7. PENGIBARAN BENDERA SEMASA HARI KEBESARAN NEGERI JOHOR

7.1. HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA

- 7.1.1. Bendera Negeri Johor dinaikkan seperti biasa di semua bangunan Kerajaan, swasta, komersial, sekolah dan kediaman sebagaimana Para 5.1 dan 5.2.
- 7.1.2. Bendera Kecil Johor dipasang berselang seli dengan Jalur Gemilang Kecil dalam satu kelompok empat (4) bendera di tiang elektrik.
- 7.1.3. Sehelai Bendera Johor dipasang berselang seli dengan sehelai Jalur Gemilang sepanjang laluan.
- 7.1.4. Satu gegantung Bendera Johor dipasang berselang seli dengan satu gegantung Bendera Persekutuan di tiang elektrik sepanjang laluan.

7.2. LAWATAN RASMI KETUA NEGARA ASING

- 7.2.1. Bendera Negeri Johor dinaikkan seperti biasa di semua bangunan Kerajaan, swasta, komersial, sekolah dan kediaman sebagaimana Para 5.1 dan 5.2.
- 7.2.2. Tiga Bendera Kecil Johor dan satu bendera kecil negara asing yang berkaitan dipasang dalam satu kelompok empat (4) bendera di tiang elektrik.
- 7.2.3. Tiga Bendera Johor diikuti dengan satu bendera negara asing yang berkaitan dipasang sepanjang laluan.
- 7.2.4. Tiga gegantung Bendera Johor diikuti dengan satu gegantung bendera negara asing yang berkaitan dipasang sepanjang laluan.

7.3. LAIN-LAIN HARI KEBESARAN TERMASUK SAMBUTAN ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN JOHOR, KEBERANGKATAN RASMI DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA YANG DIPERTUAN AGONG, RAJA-RAJA MELAYU DAN PEMBESAR-PEMBESAR NEGARA MALAYSIA

7.3.1. Bendera Negeri Johor dinaikkan seperti biasa di semua bangunan Kerajaan, swasta, komersial, sekolah dan kediaman sebagaimana Para 5.1 dan 5.2.

7.3.2. Hanya Bendera Johor, gegantung Bendera Johor dan Bendera Kecil Johor dipasang sepanjang laluan iaitu sebagai tanda Negeri Johor mengalu-alukan keberangkatan itu.

8. JANGKAMASA PENGIBARAN BENDERA

8.1. Semua bendera dan gegantung dinaikkan dua (2) minggu sebelum tarikh sambutan dan diturunkan dua (2) minggu selepas tarikh sambutan.

9. PEMAKAIAN

9.1. Dengan berkuatkuasa Pekeliling Am ini, Pekeliling Am Kerajaan Johor Bil. 1/2013 "Protokol Bendera" adalah terbatal dan Surat Pekeliling Am Bil 3 Tahun 1994 "Pengibaran Bendera Malaysia di bangunan-bangunan Persekutuan di seluruh Negara" yang telah ditimbalguna pemakaiannya oleh Kerajaan Negeri Johor sejak tahun 1994 adalah terbatal pemakaiannya.

9.2. Pekeliling ini hendaklah diterima pemakaiannya oleh semua Jabatan Negeri, dan Persekutuan, Pihak berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun Negeri dan Persekutuan di Negeri Johor.

10. TARIKH KUATKUASA

10.1. Pekeliling Am ini berkuatkuasa serta merta.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATO' HAJI OBET BIN TAWIL)
Setiausaha Kerajaan Johor

20 November 2013